

Hakisan tebing sungai kritikal

Penduduk minta pihak bertanggungjawab bertindak segera

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Keadaan cuaca tidak menentu, terutamanya ketika hujan lebat membimbangkan lebih 20 deretan rumah di Jalan Undang Pasir, Taman Megah, Kepong, di sini, apabila hakisan di Sungai Keruh berhampiran kediaman mereka semakin teruk.

Penduduk, Kally Teh, 58, berkata, kediamannya dihuni sejak setahun lalu adalah paling hampir dengan tebing sungai menambah kebimbangan mereka.

Menurutnya, air yang deras telah menghakis tanah di bahagian dalam tebing.

"Sekarang musim hujan, jadi kami sekeluarga bertambah takut, sebelum ini sudah adu kepada pihak berkenaan tetapi mereka hanya kata tunggu.

"Tanah sekitar tebing juga semakin hari semakin lembik," katanya kepada *Sinar Harian*

ditemui ketika lawatan Unit Khas Task Force Kepong, di sini, semalam.

Lawatan itu turut disertai pegawai dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melihat keadaan hakisan itu.

Sementara itu, Ketua Unit Khas Task Force Kepong, Tan Kok Eng berkata, pihaknya menerima aduan berhubung kebimbangan penduduk di situ.

Katanya, hujan lebat setiap hari membuatkan hakisan tanah semakin serius.

"Ia membahayakan penduduk terutamanya kanak-kanak dan jarak antara rumah paling hampir pun hanya kira-kira 10 meter, kerana itu hari ini kami turun bersama JPS.

"JPS berjanji akan melakukan kerja menambak bahagian hakisan serta meletakkan batu-bata mengelakkan hakisan berterusan, dalam tempoh dua minggu lagi. Jadi kita akan



KOK ENG

terus pantau masalah ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihaknya akan meminta Jabatan Kejuruteraan Awam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menurap jalan rosak di depan sebuah tadika di situ.

"Ia sudah berlarutan sejak beberapa bulan dan membahayakan kanak-kanak tadika serta penunggang motosikal yang melalui jalan ini," katanya.



Kok Eng bersama penduduk meninjau kawasan Taman Megah yang mendakwa ada hakisan tanah yang boleh membahayakan nyawa, semalam.